



LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
ISNIN 6 MAC 2023

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1.	14 PULAU DI TERENGGANU DIWARTA TAMAN LAUT DAN TAMAN NEGERI, DALAM NEGERI, U -29	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
2.	PERNAS, MARDI DAN SSM BEKERJASAMA TINGKATKAN NILAI PRODUK TEMPATAN, BISNES, SH -29	INSTITUT PENYELIDIKAN DAN KEMAJUAN PERTANIAN MALAYSIA (MARDI)
3.	NURTURING PROFESSIONALS TO DEVELOP SMART AGRICULTURE, NATION, CHINA PRESS -A17	LAIN-LAIN
4.	MUSIM HUJAN JEJASKAN BEKALAN SAYUR, IKAN, LOKAL, HM -2	
5.	AYAM TELUR NAIK 60 SEN LAGI, PEMBEKAL RESAH, NEGARA, KOSMO -16	
6.	JERAMI GULUNG JADI TARIKAN BAHARU, NEGARA, KOSMO -17	
7.	RACUN TIDAK BERKUALITI ANTARA PUNCA HASIL PADI MEROSOT, DALAM NEGERI, UM -31	
8.	TANAH SAWAH DI KELANTAN MASIH BERBAKI 26,8333 HEKTAR, DALAM NEGERI, UM -31	
9.	JERAMI GULUNG JADI LOKASI RIADAH, DALAM NEGERI, UM -31	
10.	SECOND WAVE OF FLOODS CATCHES FARMERS OFF GUARD, NEWS, NST -4	
11.	PLS, MYFARM IN DURIAN CULTIVATION JOINT VENTURE, NEWS, THE STAR -3	

UKK KPKM

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN KETERJAMINAN MAKANAN
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFS, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	29

14 pulau di Terengganu diwarta Taman Laut dan Taman Negeri

KUALA TERENGGANU:

Sebanyak 14 daripada 26 rangkaian pulau di Terengganu telah diwartakan Taman Laut dan Taman Negeri bagi memastikan pemuliharaan ekosistem terumbu karang sentiasa terpelihara.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian, Industri Makanan, Perladangan, Komoditi dan Pembangunan Luar Bandar Negeri Terengganu, Dr. Azman Ibrahim berkata, ia antara usaha kerajaan bagi mengelak kepupusan spesies marin itu.

Menurutnya, kajian kualiti air juga dipantau di beberapa stesen yang dikategorikan sebagai Kawasan Perlindungan Marin (MPA) untuk memastikan terumbu karang berada dalam persekitaran sihat dan terkawal daripada pencemaran.

"Antaranya di 21 stesen di Pulau Perhentian, Pulau Redang (18 stesen), Pulau Kapas iaitu lima stesen, Pulau Tenggol (empat), Pulau Yu Besar (satu), Pulau Yu Kecil (satu) dan tambahan lima lagi stesen air tawar di Pulau Redang.

"Selain itu, kita juga ada program Restorasi dan Rehabilitasi Karang di semua kawasan MPA dengan menggunakan reka bentuk mesra alam seperti 'cheese block' dan frame berbentuk 'honey comb' serta 'spider web'.

"Aktiviti Pembersihan Tapak Selam juga dilaksanakan melalui program 'reef clean up', pukut hanyut dan pembersihan dasar laut daripada ancamam tapak Sulaiman mahkota berduri" katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*, baru-baru ini.

Tambahnya, kajian juga diadakan untuk memantau kesihatan karang menggunakan kaedah Line Intersect Transect (LIT), Point Intersect Transect Quadrat dan Manta Tow.

Pernas, MARDI dan SSM bekerjasama meningkatkan nilai produk tempatan

SETIA ALAM -

Perbadanan Nasional Berhad (Pernas) menandatangani dua Memorandum Persefahaman (MoU) masing-masing bersama Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) dan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) di sini pada Sabtu.

Pengerusi Pernas, Datuk Hazimah Zainuddin berkata, kerjasama strategik bersama MARDI akan memanfaatkan usahawan program *Business In Transformation Expo (BITE)* melalui khidmat konsultansi MARDI.

Beliau berkata, ia sejajar dengan usaha menambah nilai ke atas mutu produk dan perkhidmatan yang ditawarkan Pernas.

"Sementara itu, MoU Pernas & SSM pula melibatkan usahasama mempromosi produk kedua-dua agensi melalui pelbagai platform promosi seperti Pybbi, program Jelajah Usahawan, media sosial dan kaunter bergerak," katanya ketika majlis perasmian *Business In Transformation Expo (BITE) 2023* yang disempurnakan Menteri Pembangunan

Usahawan dan Koperasi (KUSKOP), Datuk Ewon Benedick.

Pada majlis itu, Pernas turut meraikan 14 usahawan BITE yang menunjukkan prestasi cemerlang. Sementara itu, Hazimah berkata, pelbagai program dijalankan sepanjang BITE 2023 berlangsung antaranya *slot business pitching*, sesi forum bersama usahawan BITE berjaya dan penerangan mengenai pelbagai informasi perniagaan.

Menerusi program tersebut, katanya, pengunjungan berpeluang bertemu usahawan dan meneroka peluang perniagaan yang ada selain mendapatkan pelbagai maklumat berkaitan dengan perniagaan *francais* dan skim pembiayaan serta latihan yang ditawarkan di Pernas.

"Penganjuran BITE 2023 buat kali kedua membuktikan komitmen Pernas untuk pertumbuhan ekonomi setempat. Pertumbuhan ekonomi ini banyak peluang keusahawanan dan pekerjaan," tambahnya.

Dalam pada itu, berhubung anugerah diberikan Pernas Hazimah berkata, pengiktirafan dan penghargaan perlu diberikan kepada mereka yang menunjukkan prestasi baik yang boleh dijadikan contoh.



Dari kiri: Hazimah, Timbalan Menteri KUSKOP, Saraswathy Kandasami dan Ewon ketika sidang media BITE 2023 pada Sabtu.

Headline	Nurturing professionals to develop smart agriculture		
MediaTitle	China Press		
Date	06 Mar 2023	Color	Full Color
Section	Nation	Circulation	127,822
Page No	A17	Readership	383,466
Language	Chinese	ArticleSize	191 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 3,768
Frequency	Daily	PR Value	RM 11,303



陳紹厚：勿依賴外勞 育專才發展智能農業

（峇株巴轄5日訊）馬來西亞果農總會會長拿督陳紹厚坦言，本地農業領域面對最大的問題是依賴外勞，因此須培育更多本地專業人才，發展智能農業領域，讓農業能獲永續和更好的發展。

他說，10年前，我國能從鄰國如越南、泰國、印尼、緬甸甚至斯里蘭卡和菲律賓引進外勞，隨著這些國家的迅速發展，要引進外勞已難上加難，未來的農業領域不僅要提升農產品品質，還要提升和培育更多人才，朝智能農業領域發展。

“因此，總會一致通過籌募20萬令吉，作為‘農科人才培育計劃’基金，栽培未來的年輕農業領域人才，並感謝在各界人士支持下，讓此次籌款目標得以達成。”

陳紹厚昨晚在位於永平舉行的馬來西亞果農總會16周年，以及總會和柔佛州果農公會新屆理事就職禮上致詞時，這麼指出。

他說，未來的農業領域不再只是单打獨斗，而是能發展成為農業產業鏈，通過專業培訓讓多個相關領域如加工、烹飪烘焙、物流行銷、物流、休閒農業，成為環環相扣的關係，該



■陳紹厚（左2）代表馬來西亞果農總會接領捐款；右起韓山河、黃書琪和許來安（左）。

會也與多個單位一同制定長遠的計劃，包括走入校園，栽培更多未來農業和相關領域的人才。

會上，行動黨居鑾區國會議員黃書琪代表農業及糧食安全部副部長陳泓縑為大會開幕，以及為馬來

西亞果農總會主持監督就職，並移交部門1萬令吉捐款，給予該會“農科人才培育計劃”。

出席者包括馬來西亞果農總會副會長韓山河和財政許來安等。

Musim hujan jejasakan bekalan sayur, ikan



ORANG ramai membeli barang keperluan pada tinjauan kenaikan harga barang di Pasar Chow Kit. - Gambar NSTP/SAIFULLIZAN TAMADI

Kuala Lumpur: Rata-rata peniaga di Pasar Chow Kit di sini, mengeluh kerana sayur-sayuran sukar diperolehi disebabkan musim hujan kebelakangan ini.

Peniaga sayur, Izzah Rahmat, 38, berkata, kebanya-

kan sayur yang sukar diperoleh jenis berdaun.

"Kita susah nak perolehi sayur jenis daun sejak Rabu lalu. Sayur yang datang pun tak cantik seperti bayam dan kangkung," katanya ketika ditemui semalam.

Izzah berkata, musim hujan juga menyebabkan harga sayur menjadi mahal.

"Kadang-kadang kita hanya ambil untung 50 sen saja.

"Contohnya daripada pembekal RM4 satu klog-

ram (kg), takkan kita di sini jual RM4 juga. Sudah tentu kita naikkan sedikit," katanya.

Seorang lagi peniaga sayur, Muhd Hisyam Zainuddin, 21, turut mengakui bekalan sayuran yang diperolehinya kurang apabila musim hujan.

"Musim hujan stok kurang dihantar pemborong.

"Contohnya saya tempah 20 kg, pemborong hantar 15 kg saja. Mungkin disebabkan pengeluaran mereka rendah," katanya.

Muhd Hisyam berkata, bekalan sayuran rendah itu juga menyebabkan pemborong menaikkan harga.

"Bila barang kurang, mereka biasa akan naikkan harga contohnya RM1 hingga RM2.

"Tetapi saya pula tidak naikkan harga. Apa yang saya lakukan mengurangkan dari segi ikatan (sayur).

"Kalau saya naikkan, pembeli marah. Lebih baik saya kurangkan sedikit tapi harga masih sama," katanya.

Ayam telur naik 60 sen lagi, pembekal resah

IPOH - Pembekal telur ayam terus mengeluh apabila harga ayam telur bakal dinaikkan oleh pembekal sebanyak 60 sen seekor bermula bulan hadapan.

Jurucakap syarikat pengeluaran telur ayam bernama Goh berkata, kenaikan tersebut dimaklumkan syarikat pembekal kepada mereka dan pemain-pemain lain pada bulan lalu.

"Kali terakhir kenaikan harga ayam telur adalah pada Januari lalu apabila ia dijual RM3.60 seekor setelah ia dinaikkan sebanyak 50 sen daripada nilai terdahulu.

"Kini, kami dimaklumkan harga jualannya akan dinaikkan sebanyak 60 sen, menjadikan ia bakal dijual pada kadar RM4.20 seekor," katanya kepada Kosmo! di sini semalam.

Goh berkata, pembekal me-

maklumkan bahawa kenaikan harga itu melibatkan dua varian ayam baru menetas (*day old chicks*) yang masing-masing akan menghasilkan telur berwarna coklat iaitu *hiser brown* serta *hiser tinted*.

Katanya, kenaikan harga tersebut sekali gus akan meningkatkan kos operasi syarikat pengeluaran telur ayam kerana mereka terpaksa berbelanja lebih bagi membeli komoditi tersebut daripada pembekal.

"Syarikat-syarikat penternak ayam telur sendiri pun tak pasti sehingga bila situasi ini akan dihadapi (kenaikan harga ayam telur).

"Ini kerana, baru sahaja ayam telur naik harga pada Januari lalu, kini ia dinaikkan lagi oleh pembekal. Kos bagi bela ayam masih tidak turun," jelasnya.



PEMBEKAL mengeluh kenaikan ayam telur sudah naik dua kali sejak Januari lalu. -- GAMBAR HIASAN

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2023	KOSMO	NEGARA	17



ORANG ramai tidak melepaskan peluang merakam gambar di kawasan bendang yang dihiasi jerami gulung di Kampung Kelompang, Tok Keling di Alor Setar semalam.

Jerami gulung jadi tarikan baharu

Oleh JAMLI AH ABDULLAH

ALOR SETAR – Keunikan jerami gulung yang menghiasi kawasan sawah di Kampung Kelompang, Tok Keling di sini menjadi tarikan terbaharu bagi penduduk untuk beriadah terutama sepanjang cuti persekolahan ini.

Lebih menarik apabila, inisiatif untuk menghiasi kawasan sawah seluas 0.6 hektar itu adalah hasil usaha sekumpulan penduduk kampung.

Menurut seorang penduduk, Syaiful Rizal Che Ghazali, 40, usaha itu bermula apabila mereka berjaya mengumpul wang sebanyak RM2,000 untuk membeli 16 gulung jerami sebelum memulakan kerja-kerja menghias sawah secara bergotong-royong pada 28 Februari lepas.

“Kira-kira 20 penduduk kampung daripada pelbagai lapisan usia bergotong-royong menyu-

sun replika jerami gulung ini.

“Sebaik siap, kawasan ini terus dikunjungi orang ramai dan kemuncaknya adalah pada Jumaat dan Sabtu lepas,” katanya ketika ditemui di sini semalam.

Syaiful yang merupakan seorang kontraktor berkata, tujuan mereka menghiasi kawasan berkenaan adalah untuk menyediakan lokasi riadah kepada penduduk setempat selain memperkenalkan kampung tersebut kepada orang luar.

“Rasa terharu apabila orang ramai berpusu-pusu datang bersama keluarga masing-masing. Kami tidak kenakan sebarang caj kerana mahu orang ramai bergembira bersama keluarga masing-masing.

“Peniaga pun ambil kesempatan untuk berniaga di kawasan ini, jadi ia juga beri rezeki untuk mereka,” katanya.

Rakannya, Amiruddin Ahmad,

40, berkata, idea untuk menghias kawasan bendang dengan jerami gulung itu buat pertama kali dilakukan pada 2021 sebagai prop penggambaran sebuah filem.

“Tahun ini, kami buat lagi dan tak sangka dapat sambutan. Lebih mengujakan apabila anak-anak muda kampung turut serta menggunakan kreativiti masing-masing untuk menyusun jerami gulung ini.

“Kami berhasrat untuk menjadikan aktiviti ini sebagai acara tahunan di Kampung Kelompang ini selepas musim,” ujarnya.

Seorang pengunjung dari Pokok Sena dekat sini, Azumi Khalid, 45, mereka enam beranak mengunjungi kawasan jerami gulung itu untuk beriadah sempena musim cuti sekolah.

“Nak bawa anak-anak ke tempat lain makan belanja juga, jadi kami memilih untuk datang ke sini,” ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
6/3/2023	UTUSAN MALAYSIA	DALAM NEGERI	31

Racun tidak berkualiti antara punca hasil padi merosot

Oleh MOHD. HAFIZ ABD. MUTALIB
hafiz.mutalib@mediamula.com.my

KANGAR: Racun yang tidak berkualiti khususnya dari luar negara digunakan pesawah menyebabkan tanah rosak sekali gus menjadi antara faktor hasil tanaman padi merosot sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Masalah tersebut turut mengundang isu tanah jerlus yang semakin kerap berlaku sejak kebelakangan ini sehingga menyukarkan proses pengambilan hasil oleh jentera berat atau mesin padi.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Suara Tani Malaysia, Mohd. Shazwan Suban berkata, terdapat jenis racun yang digunakan pesawah khususnya yang diimport dari luar negara boleh merosakkan tanah sekali gus bakal memberi kesan kepada hasil padi.

Katanya, racun antara komponen penting dalam proses tanaman tersebut dan jika tidak berkualiti akan memberi kesan



PESAWAH, Mohd. Nasir Jamaludin menunjukkan salah satu kawasan tanah jerlus yang menyukarkan mesin padi untuk melakukan kerja-kerja menuai di Kampung Benua, Simpang Empat, Kedah. - UTUSAN/SHAHIR NOORDIN

apabila tiba waktu menuai yang akhirnya menjejaskan hasil pengeluaran padi pada setiap musim.

Jelasnya, isu berkenaan juga diakui oleh para pesawah dari seluruh negara yang berdepan masalah tanah jerlus disebabkan

faktor berkenaan. "Apabila tanah jerlus, mesin padi tidak boleh masuk dan sejak kebelakangan ini masalah berkenaan kerap berlaku. Sudahlah harga racun mahal namun akhirnya memberi kesan kepada pesawah.

"Masalah berkenaan dikesan sejak beberapa tahun kebelakangan ini dan perkara itu perlu diberikan perhatian serius bagi mengatasi masalah kemerosotan hasil padi ini," katanya.

Semalam *Utusan Malaysia* melaporkan, hasil padi atau beras negara boleh merosot sehingga 70 peratus dalam tempoh tujuh atau 10 tahun akan datang disebabkan hasil para pesawah yang semakin berkurangan sejak beberapa tahun kebelakangan ini.

Sebelum itu, *Utusan Malaysia* turut melaporkan, hasil padi di kawasan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) merosot kira-kira 150,000 tan metrik setahun.

Ia mencetuskan kebimbangan jika berterusan akan menjejaskan bekalan beras negara pada masa depan.

Mengulas lanjut, Mohd. Shazwan berkata, isu racun tidak berkualiti dikesan sejak beberapa tahun kebelakangan ini yang dikhuatiri akan terus memberi kesan kepada pesawah.

Tanah sawah di Kelantan masih berbaki 26,833 hektar

KOTA BHARU: Lembaga Kemajuan Pertanian Kemubu (Kada) menegaskan kawasan tanaman padi di negeri ini masih lagi berbaki 26,833 hektar berbanding 37,760 hektar ketika status bagi tujuan pembangunan pada 1972.

Pengurangan sebanyak 29 peratus bersamaan 10,072 hektar itu ekoran tanah tersebut ditukar status bagi tujuan pembangunan.

Menurut rekod Kada, ia berpunca daripada beberapa faktor iaitu akibat pembinaan jalan raya, landasan kereta api, perumahan, bandar dan lain-lain.

Bercakap kepada *Utusan Malaysia*, Pengerusi Besar Kada, Mohd. Faizul Mustafa berkata, faktor pembangunan tidak dapat dinafikan kerana ia merupakan sebahagian daripada keperluan utama masyarakat.

Menurutnya, langkah itu selari dengan arus permodenan dunia hari ini yang perlu dikecapi oleh penduduk hasil kemakmuran negara.

"Bagi mengatasi masalah tersebut, Kada merangka satu kertas cadangan untuk dibentangkan kepada kerajaan negeri dan fokus Kada ketika ini ialah kepada pembangunan kawasan sawah yang terbiar.

"Langkah ini bagi membolehkan keseluruhan kawasan itu dimajukan dengan tanaman padi bagi memastikan bekalan makanan negara mencukupi," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Mohd. Faizul memberitahu, dengan baki keluasan sawah yang ada, purata penghasilan padi di bawah seliaan Kada susut 3.7 peratus dalam tempoh lima tahun sejak 2017.

Katanya, purata pengeluaran padi di kawasan Kada antara 4.0 hingga 4.5 metrik tan untuk keluasan satu hektar.

"Hasil padi di negeri ini turut merosot disebabkan beberapa faktor seperti air Sungai Kelantan cetek dan berijmpur," katanya.

Jerami gulung jadi lokasi riadah

ALOR SETAR: Keindahan jerami gulung yang menghiasi kawasan sawah di Kampung Kelompang, Tok Keling di sini sejak 1 Mac lalu kini menjadi tarikan orang ramai beriadah terutama ketika musim cuti persekolahan ini.

Lebih menarik, inisiatif untuk mencipta pelbagai bentuk jerami gulung di kawasan seluas 0.6 hektar itu adalah daripada sekumpulan penduduk kampung itu sendiri.

Menurut salah seorang daripadanya, Syaiful Rizal Che Ghazali, 40, mereka mengumpulkan wang sebanyak RM2,000 untuk membeli 16 gulung jerami berkenaan sebelum menghiasi kawasan sawah itu pada 28 Februari lalu secara gotong-royong.

"Kira-kira 20 penduduk kampung daripada pelbagai lapisan usia bergotong-royong reka replika jerami gulung ini yang dimulakan pada pukul 8 malam hingga 1 pagi.

"Keesokannya kawasan ini sudah dikunjungi orang ramai. Pada Jumaat dan Sabtu lepas, orang semakin ramai datang beriadah dan bergambar," katanya



ORANG ramai tidak melepaskan peluang beriadah di kawasan bendang yang dihiasi jerami gulung di Kampung Kelompang, Tok Keling di Alor Setar. - UTUSAN/JAMLIH ABDULLAH

ketika ditemui di kawasan itu, semalam.

Syaiful Rizal yang juga kontraktor berkata, tujuan mereka membuat jerami gulung itu adalah untuk menyediakan kawasan riadah kepada penduduk setempat selain memperkenalkan kampung tersebut.

"Rasa terharu apabila orang ramai berpusu-pusu datang bersama keluarga masing-masing. Kami tak kenakan caj pun sebab ikhlas untuk membantu orang ramai beriadah dan bergembira di kawasan ini.

"Peniaga pun ambil kesempatan untuk berniaga di kawasan ini, jadi ia juga bagi rezeki untuk mereka," katanya.

Rakannya, Amiruddin Ahmad, 40, berkata, mereka mula menghiasi kawasan sawah dengan jerami gulung itu buat pertama kali pada 2021 sebagai peralatan penggambaran sebuah filem.

24-HOUR RAINY SPELL

Second wave of floods catches farmers off guard

JERANTUT: Ten farmers in Kampung Paya Teh here were left rueing their bad luck as their corn and groundnut farms were destroyed when floods hit for the second time in as many months.

Last month, floods occurred after the monsoon season, catching many farmers along Sungai Pahang by surprise and damaging numerous farms.

Part of the agricultural project area in the village was inundated by about two metres of floodwater last month after a 24-hour spell of rain.

After the waters receded, the farmers went about the arduous task of replanting their crops, only to be hit by another wave of floods.

Tuan Pa Tuan Mahmud, 63, who plants sweet corn, said more than 7,000 budding plants were destroyed last month.

He estimated his losses to be around RM3,000 as he had planted about 7,000 plants at his 1.2-hectare farm, which was located next to Sungai Pahang.

"We didn't anticipate that floods would strike again after the monsoon season last month. Before this, there had been no flooding after Chinese New Year.

"We had expected a corn yield after the month of Ramadan. Now, they're all gone just like that.

"We had wanted to work on the crop again after the water level recedes because it is usually hot in March."

Tuan Pa said he had only planted his crops for two weeks prior to the flood.

The same fate befell Harith Abdul Rahman, 69, whose groundnut farm was also hit by floods in December and January.

"We usually start planting at the end of January because that is the hot season and there is no flooding, even if it rains."

Harith said he lost around RM2,000 because all the seeds he had planted were washed away by floods. He had also just planted RM1,000 worth of seeds two weeks ago.

He said the area was often flooded during the North-east Monsoon season as it was located on the edge of Sungai Pahang. The land, he said, was fertile after the flood season.

Harith said the farmers here did not expect floods in February and March.

"My one-hectare farm looked like an ocean when the flood occurred. Almost all the seedlings were ruined following the non-stop rain for more than 24 hours.

"What can we do? It is all fated to be!"

 **We didn't anticipate that floods would strike again after the monsoon season last month. Before this, there had been no flooding after Chinese New Year.**

TUAN PA TUAN MAHMUD

Sweet corn farmer

PLS, MYFARM in durian cultivation joint venture

By SYAZWANI HASNIZAM
syazwani@thestar.com.my

PETALING JAYA: PLS Plantation Bhd has formed a joint venture with MYFARM Inc of Japan to undertake 1,000ha of durian, agriculture and aquaculture cultivation in Pahang.

The Japanese agritech company will invest some RM210mil into a joint venture between PLS Plantation's 49% associate PLS LESB Sdn Bhd, Millennium Agriculture Technology Sdn Bhd (MAT), MYFARM and Akar Barat Jaya Sdn Bhd.

The joint venture is valued at RM429mil and is the largest Japanese investment in durian plantation in Malaysia.

"This marks PLS Plantation's first step in transforming into Malaysia's leading agrifood company.

"Further strategic partnerships will be identified and expand into other plantation activities such as forest plantation, cash crops and other agricultural and aquacultural activities to be identified as part and parcel of the National Food Security Enhancement (NFSE)," said PLS Plantation chairman Tan Sri Nazir Razak at the joint-venture agreement signing ceremony.

The NFSE is an ongoing initiative with the Agriculture and Food Security Ministry.

**"This marks PLS
Plantation's first step
in transforming into
Malaysia's leading
agrifood company."**

Tan Sri Nazir Razak

Nazir said the tie-up will facilitate the transfer of Japanese technology and expertise in agriculture and help boost PLS Plantation's core competencies as a leading producer of export-quality agriculture and aquaculture produce.

MYFARM Inc founder and CEO Kazuma Nishitsuji said the company's goal is to promote sustainable agriculture practices while reducing the environmental impact of agricultural activities to ensure food safety.

"Malaysia and Japan has a long history of friendship and cooperation, and we believe this collaboration will strengthen the relationship even further and build a more sustainable and prosperous future for everyone," he said.

MYFARM is a Kyoto-based integrated agriculture company that focuses on the regeneration of abandoned farmland and the monetisation of farmland, as well as connecting agri-asset and farmers to a broader horizon of working towards a more sustainable future.

MAT is wholly owned by MYFARM. The JV has also entered into an offtake agreement with Dulai Fruits Enterprise Sdn Bhd, an indirect 70%-owned subsidiary of PLS Plantation, to purchase all of the harvests produced from the proposed project.

According to a PLS Plantation statement, MAT/MYFARM has the option, exercisable within six months from the completion date of the project, to further expand the acreage for the project by another 1,000ha upon and subject to terms and conditions to be mutually agreed by the parties.

PLS Plantation executive director Lee Hun Kheng said the company produced around 30,000 tonnes of durian annually and one of its main focus is to export to Singapore along with China and Thailand.

The company targets to have up to 10,000 ha of land dedicated to durian as well as other crops such as pineapples through partnerships and via its own effort.